



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI TERENGGANU 2050

Maju. Berkat. Sejahtera.

Laporan Pemeriksaan Draf Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula)

1 MEI - 2 JUN
2019



PENGENALAN RANCANGAN STRUKTUR



DEFINISI RANCANGAN STRUKTUR



satu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar dan cadangan am mengenai pemajuan dan penggunaan tanah keseluruhan negeri.

PERUNTUKAN PENYEDIAAN RANCANGAN STRUKTUR



Subseksyen 8 (3), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172)

Rancangan Struktur merupakan satu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar cadangan am Pihak Berkuasa Negeri itu berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah di dalam Negeri itu.

lanya termasuk langkah-langkah untuk

- i. Memperelokkan persekitaran hidup dari segi fizikal;
- ii. Memperelokkan perhubungan dan lalulintas;
- iii. Memperelokkan kesejahteraan sosio-ekonomi dan mengalakkan pertumbuhan ekonomi, dan
- iv. Memudahkan pemajuan yang mampan

FUNGSI RANCANGAN STRUKTUR

- i. Menterjemah dasar-dasar pembangunan fizikal negara dalam pembangunan fizikal negeri;
- ii. Mewujudkan perancangan yang bersepadu diperingkat negeri;
- iii. Memandu arah pembangunan fizikal negeri.
- iv. Mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan spatial negeri (*inner-states disparities*)
- v. Menyediakan rangka kerja bagi Rancangan Tempatan.
- vi. Memenuhi peruntukan Akta 172.

HIERARKI RANCANGAN PEMAJUAN

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA
Seksyen 6B, Akta 172

RANCANGAN STRUKTUR
7,8,9,10,11 Akta 172

RANCANGAN TEMPATAN
Seksyen 12,13,14 & 15 Akta 172

RANCANGAN KAWASAN KHAS
Seksyen 16, Akta 172



- Disediakan pada tahun 2006 dan diwartakan pada 1 Februari 2007; No. Warta 51 (Jld. 60 No.3).
- Menggariskan wawasan pembangunan sebagai **Negeri Terengganu Bestari 2020**.
- Bermatlamatkan **Terengganu Maju menjelang tahun 2020**
- Menerapkan konsep pembangunan mampan bagi kesejahteraan rakyat dan kelestarian sumber alam semula jadi Negeri Terengganu.

7 strategi :

- i. Memperkasakan masyarakat dengan menerapkan nilai-nilai teras;
- ii. Memperkasakan bidang pelajaran dengan pendidikan;
- iii. Memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan seimbang;
- iv. Menjanakan pendapatan rakyat terutama yang berpendapatan rendah;
- v. Memodenkan bandar-bandar dan pusat pertumbuhan serta mengurangkan ketidakseimbangan tahap sosio ekonomi di antara kawasan;
- vi. Mewujudkan guna tenaga berpengetahuan dan berkemahiran; dan
- vii. Meningkatkan kecemerlangan sektor awam.

10 dasar dan 118 langkah/program/projek :

- | | |
|-----------|--|
| Dasar 1 | Menggalakkan pertumbuhan pembangunan berterusan secara mampan dan terkawal |
| Dasar 2&3 | Mengalakkan pertumbuhan dan permodenan bandar |
| Dasar 4 | Pembangunan sistem pembangunan bersepadu |
| Dasar 5 | Pemeliharaan dan pengurusan sumberjaya alam sekitar |
| Dasar 6 | Struktur asas ekonomi yang pelbagai dan peningkatan produktiviti pengeluaran |
| Dasar 7 | Peningkatan ekonomi luar bandar dan pembasmian kemiskinan |
| Dasar 8 | Penyediaan kualiti infrastruktur yang menyeluruh dan mencukupi |
| Dasar 9 | Penyediaan kemudahan sosial yang pelbagai |
| Dasar 10 | Penyediaan perumahan mampu milik yang mencukupi |

KEPERLUAN KAJIAN SEMULA RSNT 2020

1 RSNT 2020 hampir tamat tempoh perancangan.

Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2020 (RSNT 2020) telah hampir tamat tempoh perancangan. Kajian semula RSNT 2020 perlu dibuat selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).



Terengganu
Maju . Berkat . Sejahtera

Perubahan hala tuju pembangunan negara / negeri, rangka kerja dasar serta strategi perancangan negara, wilayah dan negeri-negeri bersempadan.

Keperluan untuk menyelaraskan semula perancangan pembangunan Negeri Terengganu. Antara rangka kerja dasar yang berkaitan adalah seperti Rancangan Malaysia Lima Tahun, Rancangan Fizikal Negara (RFN), Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030 (PITAS).



Dokumen RSNT 2020 yang diwartakan pada 11 Februari 2007



Jambatan Angkat KTCC
(Gambaran artis)

2 Keselarasan data dan unjuran terkini.

Pembangunan Negeri Terengganu telah berubah mengikut trend pembangunan semasa. Unjuran baru dan strategi perancangan yang lebih strategik perlu dibuat menggunakan data asas terkini berdasarkan trend pembangunan masa kini.

3



4

Terjemahan dasar dan konsep perancangan pembangunan baru.

Konsep perancangan di peringkat antarabangsa telah berubah dari berasaskan spatial kepada *Smart Cities* berasaskan matlamat Agenda Perbandaran Baharu (NUA). RSNT 2050 menterjemahkan dasar dan konsep perancangan pembangunan baru di peringkat antarabangsa untuk pelaksanaan di peringkat negeri. Ini adalah untuk mengangkat Negeri Terengganu sebagai salah satu negeri yang seiring dengan perkembangan antarabangsa.

Pembangunan projek-projek mega.

Pembangunan projek mega seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang memberi kesan kepada perubahan strategi dan hala tuju pembangunan Negeri Terengganu.

5



6

Perubahan tumpuan koridor pembangunan negeri.

Tumpuankoridor pembangunan negeri telah berubah dari koridor pantai ke koridor tengah berikutan pembangunan di koridor pantai yang semakin tepu. Dengan trend ini, aktiviti pembangunan mula beralih ke kawasan koridor tengah seperti Jabor, Al-Muktafi Billah Shah, Bukit Besi, Kuala Berang, Tengawang dan Pasir Akar.



PROSES PENYEDIAAN RSNT 2050 (KAJIAN SEMULA)

Proses penyediaan Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula) melibatkan empat (4) peringkat iaitu:

Peringkat 1

Mobilisasi

- ⇒ Penyediaan Kertas Cadangan Kajian Semula RS ✓
- ⇒ Penyediaan Terma Rujukan ✓

Peringkat 2

Penyediaan Laporan Pemeriksaan dan Penyertaan Awam

- ⇒ Penyediaan Laporan Awal ✓
- ⇒ Penyediaan Laporan Teknikal ✓
- ⇒ Penyediaan dan Publisiti Laporan Pemeriksaan

Peringkat 3

Penyediaan Draf Rancangan Struktur (Kajian Semula)

- ⇒ Penyediaan dan Publisiti Draf Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula)

Peringkat 4

Kelulusan Rancangan Struktur

- ⇒ Kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)
- ⇒ Perakuan Mesyuarat Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia
- ⇒ Rundingan dengan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)
- ⇒ Kelulusan dan Pewartaan Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050

Peringkat terkini

Publisiti dan
Penyertaan Awam bagi
Laporan Pemeriksaan
RSNT 2050



Jangkamasa Kajian - 18 Bulan

LAPORAN PEMERIKSAAN (LP) RSNT 2050

Laporan Pemeriksaan merupakan laporan ketiga yang disediakan di dalam proses penghasilan RSNT 2050. Laporan Pemeriksaan mengandungi data-data yang dirumuskan daripada Laporan Teknikal dengan memaparkan penemuan, unjuran, sasaran dan cadangan awal dasar-dasar sektoral. Semua peringkat laporan termasuk Laporan Teknikal dan Laporan Pemeriksaan telah dibawa berunding dengan semua Jabatan dan agensi di peringkat daerah dan negeri melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal dan beberapa siri perbincangan kumpulan terfokus iaitu *Focus Group Discussion* (FGD) dan *Technical Working Group* (TWG).

Kepentingan penyediaan Laporan Pemeriksaan adalah:


- i. Mengemukakan penemuan utama berdasarkan analisis yang telah dijalankan di dalam Laporan Teknikal bagi tujuan pengesahan semasa publisiti awam.
- ii. Mengemukakan unjuran serta kedapatan dan kesesuaian tanah untuk perancangan pembangunan sehingga tahun 2050.
- iii. Menetapkan matlamat dan objektif pembangunan Negeri Terengganu 2050.
- iv. Mengemukakan cadangan konsep dan strategi pembangunan bagi menentukan hala tuju pembangunan masa hadapan.
- v. Membolehkan pihak awam memeriksa laporan seterusnya mengemukakan pandangan berkaitan penemuan, unjuran dan strategi pembangunan yang telah dicadangkan semasa publisiti awam.

Kandungan Laporan Pemeriksaan RSNT 2050 (Kajian Semula) adalah sebagaimana berikut :



* Sila rujuk Laporan Pemeriksaan untuk perincian setiap kandungan

PROFIL NEGERI TERENGGANU




Negeri Terengganu

- ➔ Negeri ke-5 terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang, Perak, Johor dan Kelantan.
- ➔ Negeri dengan **pantai terpanjang di Malaysia** iaitu **244 km**.
- ➔ Keluasan: **1,295,757.60 hektar / 12,957.58 km²**
- ➔ Jumlah penduduk (2017): **1,221,567 orang**.



Nota: Saiz penduduk dinyatakan adalah bagi tahun 2017
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018

- ➔ Daerah Hulu Terengganu merupakan daerah terbesar dengan keluasan 387,463 hektar mewakili 30% daripada keluasan Negeri Terengganu diikuti dengan daerah Dungun dan Kemaman.
- ➔ Persempadanan semula Daerah Kuala Terengganu pada 18 September 2014 membentuk satu daerah baru iaitu Daerah Kuala Nerus.




Pada tahun 2017, guna tanah semasa di Negeri Terengganu menunjukkan guna tanah tepu bina adalah **57,376.59 hektar (4.4%)** daripada jumlahn keluasan negeri.

Manakala 1,238,361.01 hektar (95.6%) selebihnya adalah merupakan guna tanah **bukan tepu bina**. Ia didominasi oleh guna tanah hutan iaitu seluas 729,149.02 hektar.

Manakala 1,238,361.01 hektar (95.6%) selebihnya adalah merupakan guna tanah **bukan tepu bina**. Ia didominasi oleh guna tanah hutan iaitu seluas 729,149.02 hektar.

Ini diikuti oleh guna tanah **pertanian (31.72%)** yang bertumpu di koridor tengah dan koridor pantai. Manakala **badan air** membentuk **5.13%**, **tanah kosong 2.4%** dan guna tanah pantai seluas 676 hektar (**0.05%**).

KESEDIAAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN



Pada tahun 2017, guna tanah semasa di Negeri Terengganu menunjukkan guna tanah **tepu bina** adalah **57,376.59 hektar (4.4%)** daripada jumlahn keluasan negeri.

Manakala 1,238,361.01 hektar (95.6%) selebihnya adalah merupakan guna tanah **bukan tepu bina**. Ia didominasi oleh guna tanah hutan iaitu seluas 729,149.02 hektar.

Manakala 1,238,361.01 hektar (95.6%) selebihnya adalah merupakan guna tanah **bukan tepu bina**. Ia didominasi oleh guna tanah hutan iaitu seluas 729,149.02 hektar.

Ini diikuti oleh guna tanah **pertanian (31.72%)** yang bertumpu di koridor tengah dan koridor pantai. Manakala **badan air** membentuk **5.13%**, tanah **kosong 2.4%** dan guna tanah pantai seluas 676 hektar (0.05%).

VISI, MATLAMAT DAN OBJEKTIF



VISI DAN MATLAMAT

Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula) (RSNT 2050) menyediakan satu rangka kerja perancangan spatial negeri yang bersepadu untuk jangka masa 31 tahun ke hadapan.

Selaras dengan rangka kerja perancangan spatial di peringkat negara dan antarabangsa, serta **Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030)**, RSNT 2050 mencadangkan visi dan matlamat pembangunan negeri seperti berikut:

VISI: Terengganu Sejahtera 2050

Asas Pembentukan Matlamat Pembangunan Negeri

**HABITAT III
NEW URBAN
AGENDA
(NUA)**

Inklusiviti | Selamat | Kualiti Hidup | Akses Saksama
Mobiliti Bandar | Kemampuan Alam Sekitar | Berdaya Tahan

**SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS
(SDGs)**

Sifar Kemiskinan | Sifar Kelaparan | Kesihatan dan Kesejahteraan | Pendidikan Berkualiti
Kesaksamaan Jantina | Bekalan Air Mampu | Tenaga Mampu Milik dan Mampu | Ekonomi Mampu |
Infrastruktur Berdaya Tahan | Ketidaksamaan Kawasan | Bandar Mampu
Penggunaan dan Pengeluaran Mampu | Tindakan Perubahan Cuaca
Sumber Marin dan Ekosistem Daratan Mampu | Masyarakat Aman | Pengukuhan Pelaksanaan

**RANCANGAN
FIZIKAL
NEGARA
KE-3 (RFN3)**

Pertumbuhan Berterusan Selepas Tahun 2020
Tadbir Urus Baik | Mampu | Daya Tahan | Daya Huni

**DASAR
PERBANDARAN
NEGARA KE-2
(DPN2)**

Visi : Bandar Yang Penting Untuk Kesejahteraan Rakyat
Bandar Daya Huni | Ekonomi Daya Saing | Bandar Inklusif Saksama
Pembangunan Hijau Bersih

**DASAR
PERANCANGAN
FIZIKAL DESA
NEGARA
2030**

Desa Sejahtera, Negara Sejahtera
Pengurusan Mampu Alam Sekitar dan Biodiversiti | Memperkasa Ekonomi Desa
Pengukuhan Hubungan Simbiotik Bandar - Luar Bandar | Memperkasa Ekonomi Desa
Pengurusan Desa Berdaya Laksana

**PELAN INDUK
TERENGGANU
SEJAHTERA
(PITAS 2030)**

Falsafah PITAS
Membina Sebuah Masyarakat dan Pemerintahan Yang Terlaksana Di Dalamnya
Nilai-Nilai Hidup dan Hukum-Hukumnya Menuju Keredhaan Allah
MAJU | BERKAT | SEJAHTERA

MATLAMAT:

Negeri Maju, Berkat dan Sejahtera
Bagi Memacu Kehidupan Rakyat Berkualiti,
Pertumbuhan Sosioekonomi Saksama,
Pembangunan dan Alam Sekitar Lestari.



Terengganu
Maju . Berkat . Sejahtera

Logo Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030)

OBJEKTIF PEMBANGUNAN NEGERI

Berdasarkan matlamat pembangunan yang digariskan, objektif pembangunan (OP) Negeri Terengganu adalah:

OP1

Terengganu Negeri Maju Yang Berkat Dengan Ekonomi Sejahtera

OP2

Kehidupan Rakyat Terengganu Sejahtera dan Saksama

OP3

Negeri Terengganu Indah dan Lestari

OP4

Tadbir Urus Negeri Adil Di Dalam Keredhaan Allah

TERAS & ISU STRATEGIK PERANCANGAN

Teras adalah satu (1) bentuk “forceful drive” atau impetus yang dikenal pasti untuk mencapai sesuatu sasaran yang dikehendaki. Bagi maksud perancangan negeri, teras perancangan adalah bidang-bidang perancangan utama atau fokus yang hendak diberikan bagi mencapai sasaran negeri pada tahun perancangannya. Kajian Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula) memerlukan pernyataan teras yang fokus tentang bidang-bidang utama perancangan yang hendak disasarkan berdasarkan prinsip-prinsip perancangan global, negara dan negeri. Dengan mengambil kira hala tuju perancangan negara, serta cabaran-cabaran yang dikenal pasti, lima (5) teras utama telah digariskan. Teras-teras tersebut adalah seperti berikut:



TERAS 1 : PEMBANGUNAN NEGERI MAJU DAN MAMPU



TP 1-1

Keperluan Untuk Memaksimumkan Prospek Kerjasama Negara Serantau dan Memperkukuhkan Pembangunan Negeri Terengganu Sebagai Satu Kawasan Pertumbuhan Wilayah Timur Semenanjung Malaysia

TP 1-2

Keperluan Meningkatkan Jumlah Penduduk Negeri Serta Mengurus Guna Tenaga Aktif dan Warga Emas

TP 1-3

Negeri Terengganu Merupakan Penyumbang KDNK Negara Keempat Terendah di Malaysia (2010-2017), Dengan Kadar Pertumbuhan Purata 4.1 Peratus Setahun dan KDNK Per Kapita Yang Rendah

TP 1-4

Ketidakseimbangan Pembangunan Fizikal dan Sosioekonomi di Antara Koridor Tengah dan Koridor Pantai Negeri Terengganu Dengan Guna Tanah Perbandaran Adalah Lebih Tertumpu di Kawasan Persekitaran Pantai Yang

TP 1-5

Keperluan Mengurus Tanah Pembangunan Negeri Masa Depan Secara Mampan Dengan Berdasarkan Tahap dan Kesiediaan Tanah Pembangunan

TP 1-6

Keperluan Penetapan Hierarki Bandar Untuk Perancangan Yang Lebih Bersepadu di Peringkat Negeri Serta Pengukuhan Bandar Bagi Mencapai Fungsi dan Peranan Masing-Masing

TP 1-7

Keperluan Memperkukuhkan Hubungan Simbiotik Bandar - Luar Bandar, dari Aspek Hubungan Rangkaian Perkhidmatan dan Barangan

TP 1-8

Keperluan Peningkatan Daya Huni Desa Menerusi Pengukuhan Pusat pertumbuhan Desa (PPD) dan Peningkatan Pendapatan Isi Rumah, Tempat Perlindungan, Aksesibiliti, Infrastruktur dan Utiliti, Serta Kemudahan Masyarakat


TP 1-9

Keperluan Peningkatan Ekonomi Desa Dengan Pengenalpastian Industri Desa Serta Industri Asas Tani Yang Boleh Diperkasakan, di Samping Galakan Terhadap Aktiviti Ekonomi Yang Bukan Berasaskan Tani Seperti Pelancongan Warisan

TP 1-10

Keperluan Peningkatan Persekitaran Kampung-Kampung Yang Terhimpit Dalam Kawasan Pembangunan Bandar Sehingga Mengakibatkan Kehilangan Suasana dan Budaya Kedesaan

TABURAN KORIDOR PEMBANGUNAN MENGIKUT KESESUIAN TANAH PEMBANGUNAN



TERAS 2 : PERTUMBUHAN EKONOMI BERDAYA SAHABAT LINGKUNGAN DAN SEJAHTERA



TP 2-1

Sektor Pertanian Negeri Terengganu Masih Belum Berupaya Menghasilkan Pengeluaran Yang Tinggi dan Seterusnya Menjadi Sektor Yang Mampu Mewujudkan Sub-Sektor Ekonomi Baru Bagi Menjana Pertumbuhan Ekonomi dan Mewujudkan Peluang Pekerjaan Yang Menarik

TP 2-2

Sumber Pertanian dan Perhutanan di Negeri Terengganu Masih Belum Dieksploitasi Secara Intensif Bagi Menjana Pertumbuhan Sub-Sektor Ekonomi Baru Aktiviti Hiliran Yang Berasaskan Hasil Pertanian dan Pelancongan

TP 2-3

Kedapatan Banyak Sumber Mineral dan Bukan Mineral di Negeri Terengganu Yang Belum Diterokai Sepenuhnya Untuk Menjana Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan

TP 2-4

Keperluan Mengurus dan Melengkapkan Infrastruktur di Kawasan Perindustrian, Khususnya Kawasan Industri Yang Telah Dijual Tetapi Belum Dimajukan dan Seterusnya Meningkatkan Kemasukan Pelaburan Sektor Pembuatan

TP 2-5

Pembangunan Sektor Pembuatan Yang Amat Bergantung Kepada Industri Sumber Yang Mengalami Penyusutan dan Pasaran Yang Tidak Stabil

TP 2-6

Sektor Perkhidmatan Perniagaan Penyumbang Terbesar Ekonomi & Pekerjaan Negeri Terengganu yang Perlu Lebih Berdaya Tahan dan Berdaya Saing Bagi Menghadapi Pasaran Masa Hadapan

TP 2-7

Keperluan Untuk Mengetengahkan Aset Pelancongan Negeri Yang Pelbagai Supaya Dapat Membangun Sebagai Destinasi Pelancongan Antarabangsa Yang Mampan dan Membawa Kesejahteraan Ekonomi Kepada Rakyat Terengganu

TP 2-8

Keperluan Untuk Mempertingkatkan Kesedaran Awam dan Pengurusan Sumber Jaya Pelancongan Secara Mampan, Khususnya di Destinasi Rapuh (Fragile Destination) Seperti Kepulauan Taman Laut dan Tanah Bencah

TP 2-9

Keperluan Untuk Mengetengahkan Produk Pelancongan Baru Berasaskan Kekuatan Yang Dimiliki Oleh Negeri, iaitu Sejarah Ketamadunan Islam Bagi Merealisasikan Pembangunan Koridor Pelancongan Islam Dengan Berlandaskan Kekuatan Pelancongan Negeri dan Aset Warisan Tidak Ketara Seperti Budaya

TP 2-10

Keperluan Untuk Mengukuhkan dan Membina Hab Kemudahan Serta Perkhidmatan Pelancongan Berkualiti dan Bertaraf Antarabangsa, Khususnya Dalam Wilayah Tengah Negeri Terengganu

TP 2-11

Keperluan Untuk Memperluaskan Rangkaian Promosi Atas Talian Secara Efektif dan Menyeluruh, Termasuklah Kolaborasi Dengan Laman Portal Pelancongan dan *Networking* Dengan Pengusaha Pelancongan Dalam Negara dan

TP 2-12

Keperluan Untuk Mengetengahkan dan Menggalakkan Pemuliharaan Aset-Aset dan Ciri-Ciri Landskap Semula Jadi Sebagai Salah Satu Imej Pelancongan Negeri Terengganu

TP 2-13

Keperluan Untuk Mengarusperdanakan Pemuliharaan Warisan dan Budaya Negeri Terengganu Dalam Pembangunan Spatial dan Insaniah Untuk Generasi Akan Datang



TERAS 3 : PENINGKATAN KESEJAHTERAAN KEHIDUPAN RUMAH RAYA



TP 3-1

Pembangunan Perumahan Yang Tidak Seimbang di Antara Daerah- Daerah Negeri Terengganu Kerana Terlalu

Tertumpu di Kawasan

TP 3-3

Pembangunan Utama Secara Ada Tumpuan Kepada Pembangunan Perumahan Secara Individu Atas Lot- Lot Persendirian Yang Memberi Impak Kepada Penyediaan Kemudahan

TP 3-5

Keperluan Memanfaatkan Aset Terpenting Negeri, iaitu Modal Insan dan Kemudahan Pendidikan Yang Berkualiti Dalam Memacu Pembangunan Negeri dan Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

TP 3-7

Keperluan Peningkatan Sistem Pengangkutan Awam Yang Berintegrasi di Antara Mod- Mod Pengangkutan Awam Darat, Air, Udara Bagi Meningkatkan Tahap Kemudahsampaian Serta Merangsang Mod Pengangkutan Awam Rendah Karbon

Keperluan Mengurus Banjir Besar Yang Berlaku di Negeri Terengganu pada Setiap Musim Tengkujuh Melalui Pengurusan Risiko Bencana dan Pelaksanaan Program-Program

TP 3-11

Keperluan Memperkukuhkan Penggunaan Teknologi Hijau Dalam Semua Aspek Pembangunan di Negeri Terengganu Seperti Sumber Bekalan, Penyampaian, Agihan dan Penggunaan Mampan Bagi Memulihara Alam Sekitar, Sumber Semula Jadi dan Meminimumkan kesan Negatif Akibat Aktiviti

TP 3-2

Penawaran Perumahan Mampu Milik Yang Masih Tidak Mencukupi Berbanding Tumpuan Permintaan Lebih Kepada Perumahan Bertanah Yang Berharga Kurang Daripada RM200,000

TP 3-4

Keperluan Kepada Penyediaan Kemudahan Masyarakat Dari Aspek Penawaran, Lokasi dan Kualiti Bagi Peningkatan Inklusiviti dan Akses Penduduk Bandar dan Luar Bandar Kepada Kehidupan Yang Berkualiti dan Saksama

TP 3-6

Keperluan Penyediaan Sistem Perhubungan Antara Wilayah dan Daerah Yang Menyeluruh Mengikut Hierarki Jalan Raya, Jalan Yang Tidak Bersambungan dan Jalan Yang Perlu Dinaik Taraf

TP 3-8

Keperluan Pengurusan Lalu Lintas di Pusat-Pusat Bandar, Terutamanya di Ibu Negeri dan Pusat-Pusat Daerah Serta Kemudahan Sokongan Seperti Laluan Basikal dan Pejalan Kaki Yang Menyeluruh

TP 3-10

Keperluan Meningkatkan Usaha Mengurus Sisa Pepejal Secara Berpusat dan Mesra Alam, Termasuk Mengaplikasikan Kaedah-Kaedah Teknologi Hijau



TERAS 4 : PENGARUSPERDANAAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN SUMBER



Keperluan Untuk Meningkatkan Perlindungan Habitat Daratan dan Marin Bagi Pemuliharaan dan Pengurusan Sumber Jaya Semula Jadi!

Keperluan Mengurus Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di Negeri Terengganu Secara Bersepadu dan Efektif Dalam Perancangan Pembangunan Negeri!


Keperluan Mengukuhkan Kualiti Alam Sekitar Bagi Memastikan pemantauan Kesejahteraan Rakyat dan Ekonomi Serta Kelestarian Alam Sekitar Negeri Terengganu

TP 4-1


TP 4-2

TP 4-3

TABURAN HIDUPAN LIAR NEGERI TERENGGANU



KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) NEGERI TERENGGANU





TP 5-1

Keperluan Untuk Meningkatkan Perlindungan Habitat Daratan dan Marin Bagi Pemuliharaan dan Pengurusan Sumber Jaya Semula Jadi

TP 5-2

Keperluan Mengurus Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di Negeri Terengganu Secara Bersepadu dan Efektif Dalam Perancangan


TP 5-3

Keperluan Untuk Meningkatkan Daya Tadbir Urus Kepada Yang Lebih Baik Bagi Mencapai Wawasan Negeri



ISU UTAMA PENGURUSAN PELAKSANAAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI TERENGGANU


STRATEGI PEMBANGUNAN PENGURUSAN INSTITUSI



Sumber: Kajian Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula), 2018.



KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU 2050



I. PERANCANGAN WILAYAH

- Berlandaskan hala tuju strategik RFN Ke-3 di bawah PD1: Pertumbuhan Bandar Yang Seimbang dan PD2: Pembangunan Luar Bandar Yang Bersepadu, Kajian Rancangan Struktur Negeri Terengganu (RSNT) 2050 akan meneliti pusat-pusat pertumbuhan yang memerlukan pengukuhan dan kawasan petempatan luar bandar yang berpotensi untuk dimajukan secara bersepadu supaya seluruh Negeri Terengganu dapat dimajukan secara seimbang dan mampan.
- Untuk memastikan perancangan yang lebih seimbang dan mampan, **perancangan berasaskan wilayah-wilayah negeri dicadangkan** dengan pembahagian wilayah berdasarkan sempadan daerah-daerah yang terlibat. Menerusi pendekatan ini, perancangan wilayah dapat memastikan setiap daerah memperoleh perhatian dan cadangan projek impetus berdasarkan kekuatan dan kelemahan wilayah masing-masing

CADANGAN PENGUKUHAN PEMBANGUNAN WILAYAH

<p style="text-align: center;">UTARA</p> <p style="text-align: center;">DAERAH SETIU DAN BESUT</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengukuhan pembangunan perbandaran di pusat pertumbuhan semasa. Peningkatan aksesibiliti wilayah dengan sambungan LPT dan persimpangannya. Pengukuhan kekuatan ekonomi wilayah berasaskan sektor pertanian dan pelancongan. 	<p style="text-align: center;">TENGAH</p> <p style="text-align: center;">DAERAH KUALA TERENGGANU, KUALA NERUS DAN MARANG</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengukuhan perbandaran kawasan pusat bandar semasa - <i>infilling</i> dan pembaharuan semula bandar. Pengukuhan aksesibiliti intra-bandar dan pengangkutan awam. Terus memacu ekonomi berasaskan sektor tertiar dan sekunder.
<p style="text-align: center;">BARAT</p> <p style="text-align: center;">DAERAH HULU TERENGGANU</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengukuhan pembangunan perbandaran dalam koridor Kuala Berang - Ajil dan koridor tambahan ke Wakaf Tapai sebagai sebahagian Konurbasi ZPP Kuala Terengganu. Peningkatan aksesibiliti wilayah, khususnya ke Kuala Terengganu dan ke Tasik Kenyir. Pengukuhan kekuatan ekonomi wilayah berasaskan sektor pertanian dan pelancongan. 	<p style="text-align: center;">SELATAN</p> <p style="text-align: center;">DAERAH KEMAMAN DAN DUNGUN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengukuhan perbandaran kawasan pusat bandar semasa - <i>infilling</i> dan perkembangan menghala ke koridor tengah negeri, persimpangan LPT & stesen ECRL. Pengukuhan aksesibiliti intra-bandar dan pengangkutan awam. Terus memacu ekonomi berasaskan sektor sekunder.




WILAYAH PERANCANGAN NEGERI TERENGGANU


Sumber: Kajian Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula), 2018.

KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU 2050

II. KONSEP SIMBIOTIK WILAYAH FUNGSIONAL (SYMBIOTIC FUNCTIONAL REGIONS)



- Konsep perancangan yang dicadangkan untuk Negeri Terengganu adalah **Konsep Simbiotik Wilayah Fungsional (Symbiotic Functional Regions)**, iaitu melibatkan pembentukan wilayah-wilayah negeri yang berfungsi khusus, namun mempunyai hubungan simbiotik yang kuat antara satu dengan yang lain.
- Kawasan pertumbuhan utama negeri, iaitu **Zon Promosi Pembangunan (ZPP) Kuala Terengganu; dipanggil ZPP Primer** dan sambungan (*extension*) sehingga ke Kuala Berang dan Bandar Peranginan Tasik Kenyir.
- **Dua (2) ZPP Sekunder Negeri** bersifat zon promosi pembangunan negeri bagi menyeimbangkan pembangunan negeri di wilayah utara dan selatan, dan keutamaan pembangunan mengarah ke daratan (koridor tengah).
- Ketiga-tiga ZPP membawa fungsi wilayah fungsional yang mewakili kekuatan wilayah masing-masing.
- Komponen utama pembangunan negeri yang dirancangkan di dalam pembentukan konsep perancangan ini adalah seperti berikut:
 - a. pembangunan perbandaran utama di kawasan ZPP Primer dan ZPP Sekunder, bandar-bandar sokongan hierarki kedua (PPU) dan ketiga (PPK) yang membentuk *core* dan *periphery*;
 - b. pembangunan desa bersepadu dengan menekankan penawaran *output* pengeluaran bahan mentah dan pembekalan tenaga buruh;
 - c. pembangunan perbandaran digalakkan di kawasan baru yang sesuai di luar kawasan berisiko persisiran pantai;
 - d. pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan Kawasan Ekosistem Utama, termasuk kawasan persisiran pantai dan lautan (taman-taman laut) sehingga ke sempadan negara;
 - e. pembangunan nodus-nodus pembangunan ekonomi yang seimbang, termasuk koridor-koridor pelancongan utama;
 - f. pembangunan infrastruktur utama seperti Lebuhraya Pantai Timur, laluan dan stesen *East Coast Rail Line* (ECRL), Jalan Persekutuan dan Negeri yang utama;
 - g. saling-hubungan (*connectivity*) dan pergantungan antara wilayah (*dependencies between regions*), dan
 - h. saling-hubungan wilayah dengan negeri berjiran dan antarabangsa.



KEKUATAN SETEMPAT DAN KELEBIHAN WILAYAH NEGERI

Wilayah Negeri/ Daerah		Faktor	Kekuatan Setempat dan Kelebihan Wilayah Negeri
Wilayah Utara	Besut	Pentadbiran dan Petempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian dari Zon Promosi Pembangunan Wilayah Utara Negeri. • Bandar Jerteh sebagai Pusat Katalis, Pusat Separa Wilayah Negeri. • Kampung Raja sebagai bandar pentadbiran Daerah Besut dengan hierarki Pusat Tempatan Utama. • Pasir Akar dan Tembila sebagai Pusat Petempatan Kecil.
		Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Bandar Jerteh sebagai bandar perniagaan utama Daerah Besut dan bandar yang memberi perkhidmatan kepada penduduk selatan Jajahan Pasir Putih. • Gateway kepada Pulau Perhentian yang merupakan Taman Laut Terengganu dan pusat ekopelancongan negara. • Kawasan jelapang padi IADA KETARA yang menyumbang kepada jaminan makanan negara dan negeri. • Gong Medang sebagai zon perindustrian.
		Pengangkutan dan Perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan stesen ECRL berhampiran Kampung Raja dan Tembila. • Persimpangan Lebuh Raya Pantai Timur (Fasa 2) di antara Bandar Jerteh dan Kampung Raja sebagai pemangkin aksesibiliti wilayah dan pertumbuhan daerah. • Perkhidmatan MyBas seluruh daerah. • Perkhidmatan bot penumpang ke Pulau Perhentian dari Jeti Kuala Besut.
	Setiu	Pentadbiran dan Petempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian dari Zon Promosi Pembangunan Wilayah Utara Negeri. • Bandar Permaisuri sebagai bandar pentadbiran Daerah Setiu dengan hierarki Pusat Tempatan Utama. • Guntung Luar, Penarik, Merang dan Sg. Tong sebagai Pusat Petempatan Kecil. • Pekan Merang dan Penarik sebagai dwi-hab Zon Pelancongan Warisan Desa dan Marin.
		Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Hab Pelancongan Warisan Desa dan Marin di Taman Negeri Setiu Wetlands - Kg. Mangkok - Kg. Rhu 10. • Tapak Warisan Marin di Bukit Putera sebagai produk warisan bertaraf negara. • Agropolitan Telaga Papan sebagai pemacu industri pertanian dan IKS desa.
		Pengangkutan dan Perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan stesen ECRL berhampiran Bandar Permaisuri. • Persimpangan Lebuh Raya Pantai Timur (Fasa 2) di Gemuruh sebagai pemangkin aksesibiliti wilayah dan pertumbuhan daerah. • Perkhidmatan MyBas seluruh daerah.
Wilayah Barat	Hulu Terengganu	Pentadbiran dan Petempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Bandar Kuala Berang sebagai pusat Daerah Hulu Terengganu. • Bandar Ajil sebagai Pusat Petempatan Utama dan sebahagian ZPP Kuala Terengganu.
		Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Bandar Kuala Berang sebagai pusat perniagaan tahap tinggi dan sederhana. • Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan negara dan negeri.
		Pengangkutan dan Perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> • Persimpangan Bertingkat Lebuh Raya Pantai Timur (Fasa 2) di Ajil, Kuala Telemong dan Bukit Besi. • Perkhidmatan MyBas seluruh daerah.

Wilayah Negeri/ Daerah		Faktor	Kekuatan Setempat dan Kelebihan Wilayah Negeri
Wilayah Tengah	Kuala Terengganu	Pentadbiran dan Petempatan	<ul style="list-style-type: none"> Pusat Wilayah Negeri. Pusat Zon Promosi Perancangan Kuala Terengganu. Pusat Daerah Kuala Terengganu. Bandar DiRaja. Wakaf Tengah, Cenering sebagai Pusat Petempatan Utama.
		Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Pusat perniagaan dan perkhidmatan bertaraf tinggi. KTCC sebagai pusat kewangan dan perkhidmatan antarabangsa. Bandar Kuala Terengganu sebagai Bandaraya Warisan Persisir Air. Pusat pendidikan, perindustrian, kebudayaan dan perkhidmatan sosial. Pelancongan warisan bandar - Kg. Cina. Kawasan perindustrian utama di Cenering.
		Pengangkutan dan Perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Stesen hentian ECRL di Kuala Terengganu Terminal Bersepadu di Bukit Besar. Terminal pengangkutan antara bandar dan intra bandar di Bandaraya Kuala Terengganu. Jeti Kuala Terengganu - kesediaan pengangkutan air ke Seberang Takir. Perkhidmatan MyBas seluruh daerah.
	Kuala Nerus	Pentadbiran dan Petempatan	<ul style="list-style-type: none"> Al-Wathiqu Billah Shah sebagai Pusat Daerah Kuala Nerus. Batu Enam dan Gong Badak sebagai Pusat Petempatan Utama.
		Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Pusat perniagaan dan perkhidmatan utama menyokong Bandaraya Kuala Terengganu. Pusat pendidikan, pelancongan, perindustrian dan perkhidmatan sosial. Kawasan perindustrian utama di Gong Badak dan Batu Rakit .
		Pengangkutan dan Perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Terminal Pengangkutan Bersepadu di Al-Wathiqu Billah (termasuk stesen ECRL). Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Mahmud. Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Pantai Timur (Fasa 2) Kuala Terengganu di Gemuruh. Jeti Kuala Terengganu - kesediaan pengangkutan air dari Seberang Takir. Perkhidmatan MyBas seluruh daerah.
	Marang	Pentadbiran dan Petempatan	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Marang sebagai pusat Daerah Marang. Bandar Marang, Wakaf Tapai dan Bukit Payong sebagai Pusat Petempatan Utama dan sebahagian ZPP Kuala Terengganu
		Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Marang sebagai pusat perniagaan tahap sederhana. Pulau Kapas sebagai pulau pelancongan utama. Kawasan perindustrian utama di Wakaf Tapai dan Bukit Khor.
		Pengangkutan dan Perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Jeti Marang memberi perkhidmatan ke Pulau Kapas. Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Pantai Timur (Fasa 2) di Kuala Telemong melalui Daerah Marang dan memberi perkhidmatan terus kepada penduduk. Stesen ECRL berhampiran Marang.
Wilayah Selatan	Kemaman	Pentadbiran dan Petempatan	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Cukai sebagai Pusat Daerah Kemaman. Bandar Al-Muktafi Billah Shah sebagai Pusat Wiayah KETENGAH.
		Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Cukai sebagai pusat perniagaan tahap tinggi dan sederhana. Kerteh, Teluk Kalong, Jakar, Bukit Labohan, Taman Biopolimer Kerteh dan Mak Langan sebagai kawasan zon perindustrian. Kuala Kemaman sebagai pusat pendaratan ikan.
		Pengangkutan dan Perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Pantai Timur (Fasa 2) di Cheneh Baru, Cukai, Kijal. Pelabuhan Kemaman. Perkhidmatan MyBas seluruh daerah. Stesen ECRL berhampiran Cukai dan Kerteh.
	Dungun	Pentadbiran dan Petempatan	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Dungun sebagai Pusat Daerah Dungun.
		Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Dungun sebagai pusat perniagaan tahap tinggi dan sederhana. Pulau Tenggol dan Rantau Abang sebagai destinasi pelancongan negeri. Kawasan perindustrian di Pulau Serai, Batu 7 Dungun, Bukit Besi, Ketengah Jaya, AMBS, Cheneh Baharu dan Seri Bandi.
		Pengangkutan dan Perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Pantai Timur (Fasa 2) Bukit Besi, Dungun dan Paka dan Kerteh. Cadangan Stesen ECRL berhampiran Dungun dan Paka. Jeti Dungun untuk perkhidmatan bot pelancongan ke Pulau Tenggol. Perkhidmatan MyBas seluruh daerah.

KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU 2050



III. PERANCANGAN HIERARKI PERBANDARAN MENGIKUT WILAYAH




- Hierarki perbandaran bagi bandar-bandar di Negeri Terengganu telah dicadangkan oleh Kajian RSNT 2050 setelah meneliti aspek taburan spatial, fungsi dan peranan bandar di peringkat wilayah negeri, cadangan hierarki oleh Dasar Perbandaran Negara Kedua dan Rancangan Fizikal Negara Ke-3.
- Hierarki petempatan yang dicadangkan ini turut mengambil kira cadangan oleh rancangan-rancangan tempatan dan diselaraskan semula bagi menyelaraskannya dengan keperluan hierarki negeri serta keseimbangan pembangunan wilayah negeri.
- Untuk itu, setiap wilayah akan mempunyai satu pusat petempatan pada hierarki tinggi; sama ada Pusat Wilayah Negeri (PWN) atau Pusat Separa Wilayah Negeri (PSWN) dan disokong oleh beberapa pusat petempatan bertaraf Pusat Petempatan Utama (PPU) untuk memacu pertumbuhan yang seimbang


CADANGAN HIERARKI PERBANDARAN 2050 NEGERI TERENGGANU

Wilayah Negeri	Tengah	Selatan	Barat	Utara
Daerah	<ul style="list-style-type: none"> Kuala Terengganu Kuala Nerus Marang 	<ul style="list-style-type: none"> Kemaman Dungun 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada 	<ul style="list-style-type: none"> Seti Besut
Pusat Wilayah Negeri (1 PWN)	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Kuala Terengganu (Pusat Komuniti Pertumbuhan Negeri ZPP Kuala Terengganu/ Bandar Negeri) 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada
Pusat Separa Wilayah Negeri (4 PSWN)	<ul style="list-style-type: none"> Tiada 	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Dungun (Pusat Daerah Dungun) Bandar Cukai (Pusat Daerah Kemaman dan Pusat Katolis Negeri) 	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Kuala Berang (Pusat Daerah Hulu Terengganu) 	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Jerle (Bandar Katolis Negeri)
Pusat Petempatan Utama (15 PPU)	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Al-Wathiqi Billah (Pusat Daerah Kuala Nerus) - Hong Hada Bandar Marang (Pusat Daerah Marang) Bukit Payang Wakaf Tapai 	<ul style="list-style-type: none"> Paka Kerteh (Pusat Katolis Negeri) Kija Binjai Bandar Al-Muktafi Billah Shah (AMBS) (Pusat Pendidikan KCTENGAMBS) Bukit Besi 	<ul style="list-style-type: none"> Ajil Bandar Peranginan Tasik Kenyir (Ladang) 	<ul style="list-style-type: none"> Kuala Besut (Pusat Daerah Besut) Kg. Raja (Pusat Daerah Hulu) Bandar Permaisuri (Pusat Daerah Setiu)
Pusat Petempatan Kecil (46 PPK)	<ul style="list-style-type: none"> Wakaf Tengah Cenering Batu B Bandar Daru Lesani Kemuning Datu Rakit Manir Kedai Dulah Kuchingai Seberang Takir Pengadang Baru Pulau Kerangga Binjai Kemah Ajil Limbat 	<ul style="list-style-type: none"> Kertengah Jaya Kemasik Merchang Cheneh Bahari Pasir Raja Jerangut Kuala Jengai Teluk Kalong Seri Dandi Pasir Gajah Denggul Beliga Perasing Jelur 	<ul style="list-style-type: none"> Kuala Telemong 	<ul style="list-style-type: none"> Temhila Pasir Akar Inai Penarik Guntung Luar Sg. Tong Merang Kg. Saujana

KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU 2050



IV. PERANCANGAN PEMBANGUNAN SEKTOR PRIMER



PUSAT AGROPOLITAN

Bertindak sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi di Lembah Agro yang meliputi kawasan Daerah Besut dan Setiu.

Memberi penekanan bagi produktiviti sub-sektor pertanian, perikanan dan penterakan.



TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN

Menyediakan kawasan kekal bagi pengeluaran agro makanan khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran.

Membantu meningkatkan produktiviti pertanian dan menggalakkan pelaksanaan projek pertanian berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi.



TERMINAL MAKANAN KEKAL

Berfungsi untuk mengumpul, memproses, membungkus dan mengedarkan hasil pertanian di peringkat nasional.

Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan bertindak bagi memudahkan kerja-kerja pemasaran produk pertanian yang dicadangkan.



PENGUSAHASILAN HUTAN TERKAWAL

Menggalakkan aktiviti ladang hutan secara intensif bagi jaminan sumber yang berterusan.

Disokong dengan usaha pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu dan berterusan ke atas aktiviti pengusahaan hutan




PERLOMBONGAN INDUSTRI HILIRAN

Cadangan zon-zon perlombongan berdasarkan potensi mineral dan bukan mineral sedia serta kesesuaian lokasi dalam mengawal peningkatan aktiviti perlombongan.

Menggalakkan pembangunan industri hiliran berasaskan perlombongan yang mampu meningkatkan ekonomi penduduk tempatan.

KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU 2050

V. PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN



- Berasaskan model ekonomi sejahtera, konsep pembangunan perindustrian Negeri Terengganu akan memberi tumpuan kepada pengukuhan aktiviti perindustrian melalui pemusatan dan penyerakan kluster industri yang berpotensi tinggi di koridor industri yang dikenal pasti.
- Ia perlu dilaksanakan selaras dengan RFN Ke-3 yang menekankan kepentingan kluster ekonomi untuk menjamin daya tahan (*resilient*) negara, Revolusi Industri 4.0 yang memberi penekanan kepada ekosistem perindustrian era digital dan pintar, serta ketetapan PITAS 2030 dalam mentransformasi Negeri Terengganu sebagai Hub Makanan Laut Serantau, Hub Industri Batik Dunia dan Hub Industri Maritim.
- Untuk mengurangkan pergantungan tinggi terhadap industri minyak dan gas, maka adalah wajar sumber tempatan utama dipergiatkan di koridor perindustrian yang disenaraikan

KORIDOR PERINDUSTRIAN DAN KLUSTER PERINDUSTRIAN MENGIKUT DAERAH DI NEGERI TERENGGANU

Daerah	Koridor Perindustrian Utama	Kluster Industri	Koridor Perindustrian Sekunder	Kluster Industri
Kuala Terengganu	-	-	Koridor Kuala Terengganu - Cenering	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan dan Minuman • Kain dan Pakatan (songket dan batik) • Industri Maritim (pembuatan bot)
Kemaman	Koridor Cukai - Teluk Kalong	<ul style="list-style-type: none"> • Petroleum, Gas dan Kimia • Logam Keluli 	Koridor Cheneh Baru - Perasing	<ul style="list-style-type: none"> • Kayu dan Produk Perakayuan
	Koridor Kereteh - Paka	<ul style="list-style-type: none"> • Kimia dan Petrokimia • Plastik dan Biopolimer 	-	-
Dungun	-	-	Koridor Dungun	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan dan Minuman
Besut	-	-	Koridor Kelengah Jaya - Bukit Besi - Al-Muktafi Billah Shah	<ul style="list-style-type: none"> • Produk Perakayuan dan Sumber Tempatan
Hulu Terengganu	-	-	Koridor Kg. Raja - Gong Medang	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan dan Minuman • Produk Perakayuan dan Sumber Tempatan
Marang	-	-	Koridor Marang - Wakaf Tapai - Bukit Kor	<ul style="list-style-type: none"> • Perabot dan Produk Perakayuan
	-	-	Koridor Lambah Silika Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> • Industri Maritim Berasaskan Perikanan • Produk silika dan mineral berkaifan
Setiu	-	-	Koridor Silika Darat - Sungai Bari	<ul style="list-style-type: none"> • Silika dan Produk Mineral • Produk Pertanian
Kuala Nerus	-	-	Koridor Batu Rakit - Gong Badak - Tepoh	<ul style="list-style-type: none"> • Industri Makanan dan Hiliran Pertanian • Industri Binaan Logam Yang Direka, Jentera dan Peralatan • Industri kraf Tembaga

KONSEP PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

Petunjuk

 • Hub Industri Perkapalan
 • Koridor Perindustrian
 • Sempadan Daerah
 • Sempadan Negeri
 • Sungai dan Taik
 • Jalan Utama
 • Lebuhraya Pantai Timur

Sumber : Kajian Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula), 2018

KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU 2050

VI. PERANCANGAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN



Untuk pembangunan pelancongan yang seimbang di keseluruhan Negeri Terengganu dan tidak hanya tertumpu di pulau-pulau, empat (4) hab pelancongan negeri akan dibentuk di wilayah-wilayah negeri mengikut pengkhususan kekuatan setempat masing-masing


HAB PELANCONGAN MENGIKUT WILAYAH NEGERI

Wilayah	Hab Pelancongan	Kawasan Keutamaan
Utara	Hab Pelancongan Desa dan Eko marin	• Penarik - Taman Negeri Setiu Wetlands - Agropolitan Telaga Papan - Tapak Warisan Marin Bukit Putera (Jejak Tanah Bencah Setiu)
Tengah	Hab Pelancongan Warisan Bandar dan Persisiran Sungai (Riverine Tourism)	• Bandar Kuala Terengganu - Kg. Losong - Jejak Sungai Terengganu (Sg. Terengganu Riverine Trail)
Barat	Hab Bandar Peranginan dan Taman-Taman Negeri dan Negara (Ekopelancongan)	• Bandar Peranginan Tasik Kenyir • Kuala Berang - Bukit Besi
Selatan	Hab Pelancongan Agro, Desa dan Eko	• Merchang - Jambu Bongkok - Rantau Abang - Tanjung Jara - Teluk Bidara



KONSEP DAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU 2050

VII. PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN



- Kajian RSNT 2050 mencadangkan konsep pembangunan rangkaian dan perhubungan pengangkutan jalan raya secara menyeluruh. Sehubungan dengan ini, sistem rangkaian jalan dan perhubungan perlu dipertingkatkan untuk memendekkan masa perjalanan, keselesaan penduduk dan kemampuan masa hadapan. Konsep ini merangkumi hubungan antara serantau dan wilayah melalui perhubungan jalan raya, rel dan udara, hubungan antara daerah/ luar bandar melalui perkhidmatan bas yang menyeluruh dan hubungan antara pulau-pulau pelancongan melalui perkhidmatan jeti

PENERANGAN DAN PERINCIAN KONSEP PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN MENGIKUT DAERAH

Wilayah	Perincian Cadangan Konsep
Kuala Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan TOD berhampiran stesen hentian ECRL di Kuala Terengganu Terminal Bersepadu di Bukit Besar Perkhidmatan bot penumpang ke Pulau Redang dari Jeti Syahbandar Perkhidmatan MyBas
Kuala Nerus	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan TOD berhampiran stesen hentian ECRL di Gemuruh Lapangan Terbang Sultan Mahmud Persimpangan LPT Kuala Terengganu (Fasa 3)
Kemaman	<ul style="list-style-type: none"> Lapangan Terbang Kerteh Pembangunan TOD berhampiran stesen hentian ECRL di Cukai, Kemaman Spurline ECRL di Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan sokongan Kerteh Perkhidmatan MyBas
Dungun	<ul style="list-style-type: none"> Pusat Transit berhampiran stesen hentian ECRL di Dungun Perkhidmatan MyBas
Besut	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan TOD berhampiran stesen hentian ECRL di Kampung Raja, Besut Perkhidmatan bot penumpang ke Pulau Perhentian dari Jeti Kuala Besut. Perkhidmatan MyBas. Persimpangan LPT (Fasa 3) di Bandar Jerleh
Hulu Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> Pusat Transit berhampiran stesen Spurline ECRL di Tasik Kenyir Perkhidmatan bot penumpang bagi kawasan Tasik Kenyir Perkhidmatan MyBas
Marang	<ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan bot penumpang ke Pulau Kapas dari Jeti Marang Perkhidmatan MyBas
Setiu	<ul style="list-style-type: none"> Pusat Transit berhampiran stesen hentian ECRL di Penarik Perkhidmatan bot penumpang ke Pulau Redang dari Jeti Merang Perkhidmatan MyBas Persimpangan LPT (Fasa 3) di Bandar Permaisuri

SASARAN PENCAPAIAN UTAMA

Sasaran Kajian Rancangan Struktur (RS) Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula) disediakan berdasarkan **matlamat pembangunan, konsep dan strategi pembangunan**, serta **unjuran sektoral** yang disediakan. Sasaran pencapaian ini akan menjadi asas kepada penyediaan hala tuju strategik, strategi dan inisiatif pelaksanaan RS yang akan disediakan pada peringkat draf RS.

i. Pembangunan Perbandaran

Konurbasi
Pertumbuhan
Negeri

Guna Tanah
Tepu Bina

2050

1 ZPP Primer
2 ZPP Sekunder

82,000 hektar

2030

1 ZPP Primer
2 ZPP Sekunder

62,718 hektar



1 ZPP



53,377 hektar

2017

Nota :

Unjuran Kajian RSNT 2050:
81,716.6 hektar

ii. Institusi, Pengurusan dan Pelaksanaan

Transformasi
Pihak Berkuasa Tempatan

2 Majlis Bandaraya

3 Majlis Perbandaran

3 Majlis Daerah

1 Majlis Bandaraya

3 Majlis Perbandaran

4 Majlis Daerah



1 Majlis Bandaraya



2 Majlis Perbandaran



4 Majlis Daerah






Penaiktarafan Majlis Perbandaran
Kemaman (2050) kepada Majlis
Bandaraya

Penaiktarafan MD Besut (2030) dan
MD Kuala Nerus (2050) kepada MP

Penubuhan Majlis
Daerah Kuala Nerus (2030)

SASARAN PENCAPAIAN UTAMA

iii. Kependudukan dan Asas Ekonomi

	Penduduk Negeri	Isi Rumah	Pekerjaan	Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per Kapita
2050	2.5 juta orang	600,000	1.06 juta	RM 177,700 juta	RM 71,500
2030	1.63 juta orang	372,393	0.65 juta	RM 83,164 juta	RM 51,133
2017	 1.22 juta orang	 266,122	 0.435 juta	 RM 30,261 juta	 RM 29,347

Nota :

Unjuran Kajian RSNT 2050:
2.49 juta orang (2050)

Unjuran Kajian RSNT 2050:
598,093 (2050)

Unjuran Kajian RSNT 2050:
1.058 juta

Unjuran Kajian RSNT 2050:
RM177,687 juta

Unjuran Kajian RSNT 2050:
RM71,213



SASARAN PENCAPAIAN UTAMA

iv. Sektor Pertanian, Perindustrian, Perdagangan dan Pelancongan

	Tanah Pertanian Bertanam	Kawasan Industri	Ruang Lantai Perdagangan	Ketibaan Pelancong	Keperluan Bilik Penginapan
2050	320,000 hektar	7,500 hektar	8.40 juta mp ²	17.40 juta orang	89,000 buah
2030	275,750 hektar	6,121 hektar	5.45 juta mp ²	7.93 juta orang	34,795 buah
2017	229,573 hektar	5,588 hektar	4.09 juta mp ²	4.76 juta orang	12,283 buah

Nota:

Unjuran Kajian RSNT 2050: 319,667 hektar (2050)

Unjuran Kajian RSNT 2050: 7,430 hektar (2050)

Unjuran Kajian RSNT 2050: 8.36 mp² (2050)

Unjuran Kajian RSNT 2050: 17.38 juta orang

Unjuran Kajian RSNT 2050: 88,687 buah

SASARAN PENCAPAIAN UTAMA



v. Perumahan dan Kemudahan Masyarakat

Keperluan Perumahan

Penawaran Perumahan Mampu Milik, Berbanding Permintaan

Bilangan Institusi Pengajian Tinggi Berlandaskan Islam

vi. Perhubungan dan Pengangkutan

Modal Splits Pengangkutan Persendirian : Awam

Jumlah Penumpang LTASM

2050

604,000 unit

50%

5 buah

70 : 30

3.50 juta orang

2030

375,381 unit

20%

3 buah

80 : 20

1.50 juta orang



276,100 unit



6.4%



2 buah



90 : 10



0.94 juta orang

2017

Nota :

Unjuran Kajian RSNT 2050:
603,777 unit

Unjuran Kajian RSNT 2050:
3.44 juta orang

SASARAN PENCAPAIAN UTAMA

vii. Infrastruktur, Utiliti dan Teknologi Komunikasi

Peratusan Mangsa Banjir per Insiden

Loji Pelupusan Sisa Pepejal Bersepadu

Kapasiti Penjanaaan Tenaga Boleh Baharu

2050

< 1.0% penduduk negeri

2 buah

500.0 MW

2030

3.0% penduduk negeri

1 buah

150.0 MW

2017



5.5% penduduk negeri (2014)



0



10.3 MW

Nota :

9 tapak pelupusan tidak bersepadu (2017)

Tidak termasuk pengeluaran tenaga hidro skala besar.

viii. Pengurusan Sumber Semula Jadi

Kawasan Litupan Hutan (forest cover)

Kawasan Pendaratan Penyu, Tuntung Laut dan Tuntung Sungai

55.0% keluasan negeri


42 kawasan

56.0% keluasan negeri

38 kawasan



56.3% keluasan negeri



35 kawasan

56.3% bersumberkan data i-Plan, PLANMalaysia

ASAS PEMBENTUKAN HALA TUJU STRATEGIK RSNT 2050 (KAJIAN SEMULA)



- Peringkat seterusnya, Draf Awal RSNT 2050 (Kajian Semula) akan disediakan, dimana outputnya adalah gambarajah utama dan hala tuju strategik.
- Hala tuju strategik adalah pernyataan bertulis berbentuk dasar yang menerangkan usaha atau tindakan bersepadu untuk mencapai teras pembangunan yang akan dirangka berlandaskan tiga (3) objektif utama iaitu:
 - i. Menterjemah dasar dan strategi pembangunan peringkat negara dan negeri;
 - ii. Mencapai wawasan dan matlamat pembangunan negeri; dan
 - iii. Mengatasi isu-isu strategik pembangunan negeri semasa.
- Hala tuju strategik seterusnya akan diperincikan kepada strategi pembangunan dan disokong oleh inisiatif pelaksanaan, agensi pelaksana, indikator pemantauan dan sasaran pencapaian.
- Bagi pembentukan hala tuju strategik bagi RSNT 2050 (Kajian Semula), terdapat 62 aspek perancang yang diberikan perhatian. Aspek perancangan ini akan dirangka sebagai hala tuju strategik pada peringkat kajian seterusnya, iaitu;



PERANAN ANDA

- 1 Anda boleh menyemak Laporan Pemeriksaan di lokasi pameran tetap atau lokasi pameran bergerak seperti berikut :

LOKASI PAMERAN TETAP

LOKASI PAMERAN	MASA
1) PLANMalaysia@Terengganu, Wisma Negeri	Waktu Pejabat 9.00 pagi hingga 4.00 petang
2) Lobi Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu	
3) Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	
4) Majlis Perbandaran Kemaman	
5) Majlis Perbandaran Dungun	
6) Majlis Daerah Besut	
7) Majlis Daerah Hulu Terengganu	
8) Majlis Daerah Marang	
9) Majlis Daerah Setiu	
10) UTC Kuala Terengganu	

LOKASI PAMERAN BERGERAK

DAERAH	LOKASI PAMERAN	TARIKH
Besut	Pasar Pagi Kuala Besut	10/05/2019
	Pasar Malam Bukit Kenak	23/05/2019
Setiu	Pasar Pagi Penarik	24/05/2019
	Pasar Tani Bandar Permaisuri	25/05/2019
Kuala Nerus Kuala	Pasar Pagi Teluk Ketapang	24/05/2019
	KT Walk	24/05/2019
Terengganu Hulu	Pasar Malam Kuala Ibai	29/05/2019
	Pekan Sehari Kuala Berang	15/05/2019
Terengganu	Pasar Tani Kuala Ping	17/05/2019
	Pasar Malam Bukit Payung	05/05/2019
Marang	Pasar Pagi Rusila	03/05/2019
	Pasar Besar Kuala Dungun	15/05/2019
Dungun	Pasar Malam Sura Gate	16/05/2019
	Pasar Malam Paka	17/05/2019
Kemaman	Pasar Malam Kemasik	10/05/2019
	Pasar Malam Taman Bandar Chukai	23/05/2019

- 2 Mengemukakan bantahan atau cadangan yang terkandung dalam LAPORAN PEMERIKSAAN DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI TERENGGANU 2050 (KAJIAN SEMULA)



TARIKH TUTUP PENYERAHAN
BORANG BANTAHAN
ATAU CADANGAN :
02 JUN 2019


- 3 Segala bantahan atau cadangan boleh dihantar kepada :

Pengarah

PLANMalaysia@Terengganu
Tingkat 4, Wisma Negeri, Jalan Pejabat
20200 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman



Terima Kasih



Maju. Berkat. Sejahtera.